

19 AUG 2002

RAFIDAH-MYANMAR/I

M'SIA HARAP DAPAT TINGKATKAN HUBUNGAN DENGAN MYANMAR

KUALA LUMPUR, 19 Ogos (Bernama) -- Malaysia mendapati pelbagai sektor termasuk infrastruktur, teknologi maklumat dan telekomunikasi yang Myanmar ditawarkan kepada pelabur mempunyai masa depan yang cerah, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Beliau berkata berkongsi pengalaman korporat dan kepakaran teknikal akan tentunya meningkatkan persaingan kedua-dua ekonomi dan membantu mengurangkan kos perniagaan keseluruhan yang akan memberi faedah kepada sektor swasta di kedua-dua negara.

"Malaysia berharap untuk terus meningkatkan hubungan dua hala dalam perdagangan dan pelaburan dengan Myanmar," kata beliau sambil menjelaskan bahawa terdapat juga potensi untuk kerjasama di kalangan IKS di kedua-dua negara.

Rafidah berkata demikian pada persidangan teknologi Myanmar-Malaysia mengenai Peluang-peluang Perniagaan dan Kerjasama Teknologi antara Malaysia dan Myanmar bertajuk "perdagangan serantau sebagai pemangkin bagi pertumbuhan ekonomi" di Yangon, Myanmar.

Rafidah bersama delegasi Malaysia yang lain berada di sana, diketuai oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengadakan lawatan kerja selama dua hari.

Bagi asas kerajaan kepada kerajaan, Malaysia bersedia untuk meningkatkan kerjasama dengan Myanmar, terutamanya dalam membina kapasiti melalui perkongsian pengalaman dalam pembangunan pusat koordinasi bagi pelaburan dan sumber manusia.

Malaysia merupakan penyumbang kedua terbesar kepada perdagangan intra-Asean pada 2001, berjumlah 24 peratus daripada perdagangan intra-Asean yang masih kecil.

Jumlah perdagangan dengan Myanmar berjumlah AS\$275 juta pada 2001, mewakili kurang satu peratus jumlah perdagangan Malaysia manakala jumlah eksport bernilai AS\$197 juta dan import ialah AS\$78 juta.

"Potensi untuk meningkatkan perdagangan antara kita adalah amat meyakinkan memandangkan rangka kerja yang perlu telah ada," kata beliau.

Malaysia dan Myanmar telah menandatangani beberapa perjanjian dua hala termasuk Perjanjian Perdagangan Dua hala dan Perjanjian Timbal Balas.

Beliau juga memuji Undang-undang Pelaburan Myanmar yang membenarkan pelabur asing mewujudkan perniagaan yang dimiliki sepenuhnya atau dalam bentuk usaha sama (kecuali beberapa sektor).

Rafidah berkata insentif cukai yang termasuk pengecualian cukai korporat dan duti import yang ada, juga menyediakan persekitaran yang baik bagi aliran pelaburan langsung asing ke Myanmar.

Jumlah pelaburan Malaysia ke Myanmar naik pada suku ketiga 2001 berjumlah AS\$597 juta, kebanyakannya dalam minyak dan gas, hotel dan pelancongan serta pembuatan. -- BERNAMA

WNZ KTC NHD